

Paras air sungai semakin meningkat

KUANTAN - Jumlah mangsa banjir di negeri ini dijangka terus meningkat susulan limpahan air sungai akibat hujan lebat sejak Selasa lalu.

Pengerusi Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri, Kolonel (PA) Zainal Yusoff berkata, walaupun cuaca baik, namun air sungai di beberapa daerah masih menunjukkan trend menaik hingga menyebabkan kawasan berisiko banjir, terjejas teruk.

Katanya, Lipis, Jerantut dan Raub antara daerah yang menunjukkan peningkatan jumlah mangsa banjir yang mendadak dari semasa ke semasa.

"Ini kerana dijangkakan limpahan air sungai dari hulu yang melalui Sungai Tembeling di Kuala Tahan akan melalui daerah-daerah tersebut.

"Namun begitu, jumlah mangsa dianggarkan terus meningkat secara keseluruhan apabila limpahan air sungai yang berada di hulu akan bergerak turun ke Temerloh dan Pekan.

"Di Pekan berkemungkinan dijangka alami peningkatan jumlah mangsa lebih ketara kerana difahamkan kedudukannya di hulu sungai Pahang," katanya.

Beliau berkata kepada pemberita ketika tinjauan ke bilik gerakan Pusat Keselamatan Operasi Banjir (PKOB) di Pusat

Tranformasi Bandar (UTC), di sini, semalam.

Zainal berkata, semua agensi dan jabatan berkaitan telah membuat persediaan rapi dari segi aset, penempatan dan kelengkapan bagi menghadapi sebarang kemungkinan.



ZAINAL